

NAMA :

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2024
SET 1**

**SEJARAH
KERTAS 1
1 JAM**


JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu **A,B ,C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawpaan yang baharu.*

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak

- 1 Rajah berikut berkaitan perubahan gelaran yang digunakan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Pengaruh golongan bangsawan
 - B Penaklukan kerajaan Aceh
 - C Kesan kedatangan Islam
 - D Keluasan wilayah pengaruh
- 2 Apakah kepentingan lambang kebesaran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka berikut?

- Warna
- Nobat
- Regalia

- A Menggambarkan kedaulatan raja
 - B Melambangkan kekayaan pemerintah
 - C Menunjukkan kesaktian raja memerintah
 - D Memperlihatkan salasilah keturunan raja
- 3 Mengapakah Mahatma Gandhi menggunakan pegangan berikut dalam menentang penjajah di India?

Satyagraha sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme

- A Bersama mempertahankan raja
 - B Bersatu padu menghalau penjajah
 - C Berkorban demi tanah air tercinta
 - D Berpegang teguh kepada kebenaran
- 4 Apakah cabaran tokoh berikut dalam menggerakkan pertubuhan sosioekonomi bagi menyemarakkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu?

- Ishak Haji Muhammad
- Ibrahim Haji Yaakob

- I Masalah kewangan
 - II Sekatan undang-undang
 - III Kurang sambutan masyarakat
 - IV Sistem perhubungan terhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Perjanjian Versailles menetapkan penubuhan organisasi berikut selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

Liga Bangsa-Bangsa

Apakah tujuan penubuhan organisasi tersebut?

- A Melindungi pelarian perang
- B Memastikan keamanan dunia
- C Memajukan negara miskin
- D Meningkatkan kerjasama ekonomi

- 6 Slogan berikut diperkenalkan oleh Jepun semasa memasuki Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Semangat Asia • Asia untuk Orang Asia • Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya |
|---|

Apakah tujuan pelaksanaan slogan tersebut?

- A Memantapkan imej negara
- B Mencetuskan rasa gerun musuh
- C Mendapatkan sokongan rakyat
- D Meningkatkan semangat tentera

- 7 Maklumat berikut berkaitan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tarikh	Pentadbiran
12 September 1945	British Military Administration (BMA)
1 April 1946	Malayan Union

Mengapakah British melakukan perubahan tersebut?

- A Menjaga kebajikan rakyat
- B Membanteras kongsi gelap
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Meningkatkan pelaburan ekonomi

- 8 Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong proses penyerahan Sarawak kepada British?

- I Mengatasi masalah kewangan
- II Memperjuangkan hak penduduk
- III Memberikan peluang pekerjaan
- IV Memajukan penduduk tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Maklumat berikut berkaitan tokoh yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja pada 1946.

- Pegawai British
- Pemimpin UMNO
- Wakil Raja-raja Melayu

Mengapakah jawatankuasa tersebut dibentuk?

- A Memperkenalkan Sistem Ahli
- B Menentukan tarikh pilihan raya
- C Merangka asas Perjanjian Persekutuan
- D Mengawal pergerakan golongan radikal

10 Kewarganegaraan merupakan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Manakah jenis kerakyatan yang diterima dalam perjanjian tersebut?

- I Mendapat perkenan Raja-raja Melayu
- II Melalui kuat kuasa undang-undang
- III Mendapatkan secara pendaftaran
- IV Memperolehi persetujuan Gabenor

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu semasa pemerintahan British.

Tarikh	Peristiwa
16 Jun 1948	Pembunuhan 3 orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak

Apakah tindak balas British terhadap peristiwa tersebut?

- A Mengisytiharkan perintah darurat
- B Meminta bantuan tentera upahan
- C Menubuhkan pasukan penyiasat
- D Menyekat kemasukan imigran

12 Dialog berikut mungkin berlaku semasa zaman darurat di Tanah Melayu.

- A : Kita perlu memujuk kaum bukan Melayu agar tidak terpengaruh dengan komunis
 B : Ya. Ini penting bagi mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu

Apakah tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu tersebut?

- A Menjamin keselamatan
- B Menawarkan pengampunan
- C Melonggarkan syarat kerakyatan
- D Mewajibkan pendaftaran kad pengenalan

13 Senarai berikut berkaitan organisasi berhaluan kiri yang terdapat di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

Apakah persamaan pertubuhan tersebut?

- A Merealisasikan idea Melayu Raya
- B Mempertahankan hak orang Melayu
- C Menyebarkan ideologi komunisme
- D Membuka keahlian kepada semua kaum

14 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah pertubuhan di Tanah Melayu.

- Menentang Malayan Union
- Memelihara status quo orang Melayu
- Mempertahankan kedaulatan Raja-raja

Apakah pertubuhan tersebut?

- A Angkatan Pemuda Insaf (API)
- B Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
- C Independence of Malaya Party (IMP)
- D United Malays National Organisation (UMNO)

15 Maklumat berikut berkaitan ordinan yang digubal semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan 1950

Apakah kepentingan ordinan tersebut?

- A Melaksanakan pilihan raya
- B Menguruskan perkhidmatan awam
- C Membatalkan keputusan pilihan raya
- D Mengesahkan pendaftaran parti politik

16 Maklumat berikut menunjukkan kerjasama yang diwujudkan antara parti politik di Tanah Melayu.

UMNO dan MCA bergabung di bawah Perikatan

Mengapakah gabungan tersebut diwujudkan?

- A Merupakan strategi pilihan raya
- B Menerajui pentadbiran negara
- C Menjayakan rombongan kemerdekaan
- D Membincangkan isu kewarganegaraan

17 Apakah pertimbangan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan semasa merangka Perlembagaan Persekutuan 1957?

- A Sistem pendidikan
- B Sempadan negara
- C Kewangan kerajaan
- D Kuasa autonomi negeri

18 Tokoh berikut telah berangkat ke London untuk berunding dengan British pada 9 Mei 1957.

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Ong Yoke Lin
- V. T. Sambathan

Apakah isu rundingan tersebut?

- A Pertahanan
- B Kemerdekaan
- C Kewarganegaraan
- D Pembangunan negara

19 Jadual berikut menunjukkan perubahan yang berlaku di negara kita.

Sebelum 31 Ogos 1957	Pada 31 Ogos 1957
Bendera Union Jack	Bendera Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Penamatan darurat
- B Proses berkerajaan sendiri
- C Pembentukan negara berdaulat
- D Pelaksanaan pilihan raya umum

20 Maklumat berikut berkaitan usaha pembangunan negara selepas merdeka.

- Rancangan Buku Merah
- Rancangan Malaya Pertama 1956-1960
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah persamaan rancangan pembangunan tersebut?

- A Memajukan luar bandar
- B Menggalakkan perdagangan
- C Menyusun semula masyarakat
- D Memperkemas sistem pemasaran



21 Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.

Bahasa	Takrif Kedaulatan
Bahasa Yunani	Agung atau tertinggi
Bahasa Melayu	Kekuasaan tertinggi
Bahasa Arab	Daulah

Apakah unsur persamaan berdasarkan takrif tersebut?

- A Keluhuran perlembagaan
- B Kebebasan asasi manusia
- C Kewibawaan pemerintahan
- D Keluasan wilayah pengaruh

22 Rajah berikut berkaitan ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Sempadan negara diiktiraf
- B Pendidikan satu aliran
- C Hubungan luar probarat
- D Ekonomi pasaran bebas

23 Apakah persamaan undang-undang negeri Melayu berikut?

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang Kedah
- Undang-Undang 99 Perak

- A Menggunakan model Westminster
- B Mengabungkan ciri tradisional dan moden
- C Mewujudkan sistem Raja Berperlembagaan
- D Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka

24 Pentadbiran manakah yang memperkenalkan perubahan konsep kewarganegaraan berikut?

- Rakyat Raja
- Rakyat British

- A Negeri-negeri Selat 1826
- B Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
- C Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Persekutuan Malaysia 1963


25 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan hak Yang di-Pertuan Agong berdasarkan sistem tersebut?

- I Bertindak atas nasihat Perdana Menteri
- II Boleh menggunakan kuasa budi bicara
- III Berkuasa penuh soal kewangan negara
- IV Berhak membatalkan undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam sistem pemerintahan negara kita.



Apakah peranan badan X?

- A Menggubal dasar negara
- B Mentafsir perlembagaan
- C Meluluskan undang-undang
- D Mengesahkan perbelanjaan kerajaan

27 Senarai berikut berkaitan rancangan pembangunan sosioekonomi melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Northern Corridor Economic Region (NCER)
- East Coast Economic Region (ECER)
- Sabah Development Corridor (SDC)

Apakah matlamat rancangan tersebut?

- A Pembukaan tanah baru
- B Pemulihan tanah terbiar
- C Pembangunan koridor wilayah
- D Pembangunan ekonomi segi tiga

28 Bagaimanakah mengatasi masalah berikut berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

Masalah
Undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan

- A Undang-undang baru perlu digubal
- B Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
- C Undang-undang yang digubal Parlimen akan diguna pakai
- D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

29 Mengapakah tarikh pembentukan Malaysia ditunda dari 31 Ogos 1963 ke 16 September 1963?

- A Syarat pembentukan yang longgar
- B Suara bantahan daripada negara jiran
- C Serangan Tentera Nasional Kalimantan Utara
- D Sekatan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

30 Jadual berikut berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara Indonesia dan Malaysia.

Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia	
Tarikh	11 Ogos 1966
Tempat	Jakarta, Indonesia
Wakil Malaysia	Tun Abdul Razak
Wakil Indonesia	Adam Malik

Apakah kepentingan persetujuan tersebut?

- A Menamatkan dasar konfrontasi
- B Memulakan hubungan diplomatik
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Mengadakan latihan ketenteraan bersama

31 Jadual berikut berkaitan langkah kerajaan Malaysia bagi menangani ancaman dalam negeri.

Tarikh	Langkah
Julai 1965	Operasi Hammer
Ogos 1970	Operasi Jala Raja
Mac 1972	RASCOM dibentuk
Oktober 1973	Operasi Sri Aman

Apakah kejayaan langkah tersebut?

- A Rusuhan kaum dibendung
- B Ancaman komunis dibanteras
- C Pemerdagangan orang ditangani
- D Kegiatan penyeludupan dikekang

- 32 Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada tahun 1974 untuk mengkaji semula pelaksanaan Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Apakah hasil laporan jawatankuasa tersebut?

- I Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
 - II Falsafah Pendidikan Negara (FPN)
 - III Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)
 - IV Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan prinsip berikut bagi membentuk perpaduan kaum di negara kita?

Prinsip utama
- Budaya rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang - Unsur lain yang sesuai diterima - Islam sebagai unsur terpenting

- A Melahirkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- B Menguatkuasakan Akta Bahasa Kebangsaan
- C Membentuk sistem Pendidikan Kebangsaan
- D Mewujudkan Dasar Pendidikan Kebangsaan

- 34 Pasangan manakah betul tentang agensi dan peranannya dalam melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi.

	Agensi	Peranan
A	MARDI	Membangunkan tanah terbiar
B	RISDA	Penanaman semula getah
C	BERNAS	Menjalankan penyelidikan pertanian
D	FELCRA	Menstabilkan harga padi

- 35 Jadual berikut berkaitan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dalam dasar pembangunan ekonomi.

Tahun	Dasar
1971-1990	Dasar Ekonomi Baru (DEB)
1991-2000	Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Apakah persamaan strategi dasar tersebut?

- A Membangunkan teknologi digital
- B Melaksanakan pembangunan koridor wilayah
- C Melahirkan masyarakat perindustrian bumiputera
- D Menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi

36 Selepas tahun 1970, Malaysia telah mengubah dasar luar daripada probarat kepada dasar berkecuali.

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kejatuhan harga komoditi
- B Konflik politik antarabangsa
- C Kecaman kuasa besar dunia
- D Kebanjiran pelarian asing

37 Rancangan berikut disertai oleh Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.

Rancangan Colombo

Apakah faedah yang diperoleh negara kita melalui rancangan tersebut?

- A Menangani masalah pelarian
- B Mendapat khidmat menangani kemiskinan
- C Memerangi kegiatan penyalahgunaan dadah
- D Menandatangani perjanjian pertahanan bersama

38 Malaysia menjadikan ASEAN sebagai platform mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau dan global.

Bagaimanakah Malaysia merealisasikan komitmen tersebut?

- A Mengadakan Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA)
- B Menandatangani Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan (GATT)
- C Membina Pusat Serantau untuk Sains dan Matemaik (RECSAM)
- D Mengumumkan Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

39 Bagaimanakah isu tuntutan bertindih terhadap Pulau Spratly antara Malaysia, China, Vietnam, Brunei, Taiwan dan Filipina diselesaikan?

- A Mewujudkan Zon Ekonomi Eksklusif
- B Membincangkan dalam Forum ASEAN-China
- C Menempatkan pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia
- D Membawa kes ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa

40 Apakah sumbangan rakyat Malaysia dalam isu global kontemporari melalui pertubuhan berikut?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Cinta Gaza Malaysia (CGM)• Malaysian Medical Relief Society (MERCY) |
|--|

- A Mempromosi kelestarian global
- B Memperjuang isu kemanusiaan
- C Menangani kemelesetan ekonomi
- D Membanteras pemerdagangan manusia

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT